

EMPIRE CLASSIC

Pilihan Artis Popular

EMPIRE CLASSIC FURNITURE, RANGKAIAN PERABOT KLASIK TERKEMUKA INI MENJADI PILIHAN ARTIS-ARTIS POPULAR SEPERTI DIVA DATO' SITI NURHALIZA, MAWI, PELAKON SAIFUL APEK, ARTIS MUDA BERBAKAT AIZAT, PENYANYI BERSUARA EMAS JACLYN VICTOR, BINTANG NASYID RAIHAN DAN BINTANG KIAN MENYINAR ALYAH. LANTARAN KEPELBAGAIAAN PILIHAN, MUTU DAN PRODUK MEWAH, EMPIRE SENTIASA BERADA DI HATI MEREKA DAN MENGHIASI KEDIAMAN-KEDIAMAN MEREKA.

ARTIS-ARTIS ini bebas memilih gaya perabot yang bersesuaian dengan jiwa dan selera mereka. Antaranya ialah gaya perabot klasik dan indah menjadi elemen utama dalam tata hias klasik. Ia terbahagi kepada beberapa jenis aliran yang menonjolkan perincian yang mengagumkan seperti gaya Itali yang elegan dengan paparan motif romantis lukisan tangan yang diperhalusi dengan ukiran bersepuh emas yang dipersembahkan dengan begitu terperinci dan penuh imaginasi seolah-olah seperti sebuah lukisan. Bagi penggayaan aliran Perancis pula, kebanyakan perabotnya diperbuat daripada kayu birch yang bermutu tinggi dan kaya dengan ira. Perabot-perabot berteraskan gaya Perancis ini diukir dan diberikan ukiran tangan yang halus dengan sudahan cat emas. Apa yang menarik ialah paparan cermin kemasan permukaan seakan-akan retak rona klasik ivory yang mengentalkan ciri kemewahan bangsawan.

Manakala bagi gaya Amerika pula, kebanyakannya menampilkan gaya perabot yang ringkas, tetapi tetap menggunakan material berkualiti tinggi. Sensasi aliran ini dirasakan menerusi kemasan penyudah yang nyata, sesuai bagi anda yang mahukan serlahan perabot mewah dalam gaya minimum. Bagi yang mahu membelai diri dengan gaya perabot mewah dan lain dari pada yang lain pula, gaya English Royal sesuai diaplikasikan. Gaya klasik ini dizahirkan menerusi ciri pemilihan material yang mewah seperti upholsteri kulit dan ukiran tangan yang menawan dan diberikan kemasan emas 24 karat.

